

Malay Transcript:

Setiap orang di Malaysia, um.. haruslah tahu, um.. tahu bertutur dalam bahasa Malaysia. Setiap sekolah di negara ini, um.. haruslah mengajar pelajar-pelajar mereka tentang bahasa Melayu walaupun di sekolah-sekolah yang berlainan, mereka bertumpu kepada bahasa-bahasa yang mereka mahu mengajar. Contohnya, Chung Hua *Number One*¹ merupakan satu sekolah Cina di Malaysia, dan mereka tertumpu dan memberikan fokus kepada bahasa Cina. Walaubagaimanapun mereka juga tidak mengabaikan bahasa Cina eh bahasa Inggeris ataupun bahasa Melayu.² Selain itu, bahasa antara...sekolah antarabangsa di Malaysia juga, um.. bertumpul... bertumpu kepada bahasa-bahasa yang mereka tersendiri.³ Ah.. Sekolah-sekolah antarabangsa memeberikan fokus kepada bahasa Inggeris. Walaubagaimanapun mereka juga tidak mengabaikan bahasa Malaysia kerana bahasa Malaysia merupakan bahasa Malaysia, bahasa kebangsaan Malaysia. Di sekolah-sekolah kebangsaan seperti Saint Joseph⁴ atau Sungai Maong⁵ atau Saint Teresa dan lain-lain, mereka memberikan fokus dan tertumpu pada bahasa Melayu iaitu bahasa Malaysia. Bahasa Malaysia merupakan satu bahasa yang sama dengan bahasa Melayu, dan setiap pelajar haruslah mahir dengan bertutur bahasa Malaysia. Um.. Setiap sekolah haruslah mengajar bahasa Malaysia walaupun mereka mempunyai bahasa-bahasa yang mereka tersendiri.

English Translation:

Everyone in Malaysia, um.. should know, um.. how to converse in the Malaysian language. Every school in the country, um.. should teach their students the Malaysian language, even though different schools may have different mediums of instruction. For example, Chung Hua Number One⁶ is a Chinese school in Malaysia, and their medium of instruction is Mandarin Chinese. However, they cannot neglect the Chinese language – eh, the English language or the Malay language.⁷ Furthermore, although international

¹ Kumpulan sekolah-sekolah Chung Hua merupakan kumpulan sekolah berbahantara Cina yang paling bertonjol di Malaysia. Ia dilabelkan sebagai separuh swasta oleh kerajaan dan bergantung pada pendermaan daripada golongan Cina untuk beroperasi.

² Untuk penjelasan, orang yang diwawancara bersilap kata "...bahasa Cina..." dan membetulkan diri.

³ Kebanyakan sekolah antarabangsa di Malaysia merupakan sekolah swasta (namun, bukan semua sekolah swasta merupakan sekolah antarabangsa). Oleh sebab sekolah antarabangsa ditadbir secara swasta, mereka mempunyai lebih kuasa autonomi berbanding dengan sekolah awam untuk mengendalikan kurikulum dan bahantara mereka.

⁴ Sesebuah sekolah kebangsaan yang dahulu merupakan sebuah sekolah keagamaan Katolik.

⁵ Satu sekolah kebangsaan Malaysia yang dinamakan berdasarkan lokasinya.

⁶ The Chung Hua group of schools is the most prominent group of Mandarin-medium schools in Malaysia. It is considered semi-private by the government and relies heavily on private donations from the Chinese community to operate.

⁷ For clarification, the speaker made a mistake by saying "...Chinese language.." and corrected himself.

schools are allowed to focus more on their medium of instruction,⁸ English, they also do not completely neglect the Malaysian language as it is the working language of the country. In public schools like Saint Joseph⁹ or Sungai Maong¹⁰ or Saint Teresa and others, most of the focus is given to the Malay language. The Malaysian language is another term for the Malay language, and each student should be proficient in conversing in Malaysian. Um.. Each school should teach the Malaysian language, even though they each have their respective medium of instruction.

About CultureTalk: CultureTalk is produced by the Five College Center for the Study of World Languages and housed on the LangMedia Website. The project provides students of language and culture with samples of people talking about their lives in the languages they use every day. The participants in CultureTalk interviews and discussions are of many different ages and walks of life. They are free to express themselves as they wish. The ideas and opinions presented here are those of the participants. Inclusion in CultureTalk does not represent endorsement of these ideas or opinions by the Five College Center for the Study of World Languages, Five Colleges, Incorporated, or any of its member institutions: Amherst College, Hampshire College, Mount Holyoke College, Smith College and the University of Massachusetts at Amherst.

© 2012 Five College Center for the Study of World Languages and Five Colleges, Incorporated

⁸ All international schools in Malaysia are private schools (note, however, that not all private schools are international schools). As international schools are privately administered, they have more autonomy than public schools in deciding many aspects of their curriculum including their medium of instruction.

⁹ An example of a Malaysian public school which was previously a Catholic mission school.

¹⁰ An example of a Malaysian public school named after the district which it serves.